

20/01/2001

Jepun sedar kepentingan kuasai bahasa Inggeris: PM

Karim Sulaiman in Osaka

OSAKA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberitahu bahawa masyarakat Jepun, terutama generasi muda, kini semakin sedar mengenai kepentingan mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris supaya dapat meneroka lebih jauh industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Perkara itu dijelaskan oleh seorang pelajar Universiti Elektro-Komunikasi di sini, apabila ditanya Perdana Menteri yang mengadakan kunjungan ke universiti berkenaan sempena lawatan kerjanya ke Jepun.

Menurut Shimizu Manabu, 25, pelajar tahun lima Sarjana Teknologi Maklumat, penguasaan bahasa Inggeris penting bagi membolehkannya menghadapi cabaran ICT, yang kebanyakan maklumatnya ditulis dalam bahasa itu.

"Dengan mempelajari bahasa Inggeris saya boleh mendapat lebih banyak maklumat dalam dunia multimedia," kata Shimizu.

Universiti itu adalah antara pusat pengajian tinggi di Jepun yang menawarkan kursus berkaitan ICT.

Bagi mengikuti kursus ICT, universiti itu menyediakan dua jurusan, iaitu Bahasa Inggeris-Metamatik dan Sains-Matematik-Bahasa Inggeris pada peringkat sekolah tinggi.

Dalam kedua-dua jurusan, bahasa Inggeris adalah mata pelajaran wajib sebagai persediaan pelajar mengikuti kursus ICT.

Masyarakat Jepun dikenali taksud dengan bahasa ibunda mereka.

Bagaimanapun, dengan perkembangan terkini dalam dunia ICT, mereka tidak mahu ketinggalan melengkapkan pelajar dengan penguasaan bahasa Inggeris.

Penguasaan bahasa Inggeris turut ditekankan oleh Dr Mahathir bagi membolehkan rakyat Malaysia bersaing dan menguasai ilmu ICT.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri pula ditanya mengenai perkembangan ICT di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi menggalakkan perkembangan industri ICT.

Menurutnya, MSC menyediakan pelbagai kemudahan bersepadu termasuk dari segi infrastruktur bagi menarik syarikat tempatan dan pelabur asing bergiat dalam kawasan itu.

"Mereka antara lain boleh membuat penyelidikan dan melatih kakitangan dalam industri multimedia.

"MSC menyediakan kemudahan menarik untuk rakyat tempatan dan pelabur asing," katanya.

Dalam kunjungan ke universiti itu, Dr Mahathir meneliti kelas IT yang dalam sedang sesi dan melihat bagaimana pelajar menjalankan kerja animasi, filem, audio dan latihan bahasa.

Turut sama, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali dan Duta Malaysia di Jepun, Datuk Marzuki Mohammad. Perdana Menteri berada di Osaka bagi lawatan sambil kerja selama empat hari sejak semalam.

Terdahulu, pada pagi ini Dr Mahathir melawat kilang LCD Sharp di Tenri-shi, Nara, kira-kira 40 kilometer dari sini.

Sharp Roxy Corporation (SRC) yang diasaskan pada 1912 di Jepun, mempunyai empat kilang di Malaysia dengan kilang pertama dibuka di Sungai Petani, Kedah, pada 1974.

Tahun lalu, SRC mencatat jualan RM6.8 bilion atau 2.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar di Malaysia. Dalam tempoh itu juga, eksport keluaran SRC mencatat nilai RM5.8 bilion atau 1.6 peratus daripada eksport negara.

Presiden SRC, Katsuhiko Machida berkata, syarikat itu gembira dengan sokongan kerajaan dan rakyat Malaysia dalam menjalankan kegiatannya.

Menurutnya, sokongan itu membolehkan SRC bergerak maju, yang turut memberi faedah kepada kerajaan dan rakyat Malaysia.

Dr Mahathir pula menghargai keyakinan SRC untuk memilih Malaysia sebagai tempat pelaburan syarikat itu.

Beliau berharap SRC meningkatkan pelaburannya di Malaysia, terutama membabitkan keluaran baru berteknologi tinggi seperti LCD.

Malam ini, Perdana Menteri berdialog dengan pelajar Malaysia yang menuntut di wilayah Kansai.

(END)